



**LEMBAGA FARMASI MALAYSIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISU-ISU BERHUBUNG LATIHAN AHLI  
FARMASI PROVISIONAL (PRP) YANG MENJALANI LATIHAN DI PREMIS LATIHAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SUSULAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19**

**A. TUJUAN**

1. Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan kepada premis-premis latihan Ahli Farmasi Provisional (PRP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan isu-isu latihan PRP susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19.

**B. LATAR BELAKANG**

1. Selaras dengan arahan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia mengenai PKP bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020, penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara.
2. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama Panduan Pengurusan Anggota Farmasi Semasa Covid-19, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

### **C. PENGGILIRAN WAKTU BERTUGAS SEMASA TEMPOH PKP**

1. PRP dibenarkan untuk terlibat di dalam penggiliran waktu bertugas (hanya sekiranya premis latihan tersebut terlibat dengan penggiliran waktu bertugas).
2. PRP yang mendapat kebenaran Ketua Jabatan untuk bekerja dari rumah dikira sebagai hadir bekerja dan tidak perlu menggantikan jumlah hari di mana PRP tersebut bekerja dari rumah.
3. Walaubagaimanapun, PRP yang terlibat dengan penggiliran waktu bertugas ini, masih perlu memastikan sasaran bagi setiap modul latihan buku log dicapai.
4. Jika PRP gagal hadir ke tempat bekerja mengikut jadual penggiliran waktu bertugas, PRP tersebut perlu memohon cuti rehat.

### **D. SASARAN MODUL LATIHAN BUKU LOG**

1. Sasaran dan tempoh latihan bagi setiap modul latihan buku log adalah kekal seperti sedia ada.
2. Bagi premis-premis latihan KKM yang tidak terjejas oleh penularan wabak Covid-19, latihan PRP berjalan seperti biasa. PRP perlu hadir ke tempat kerja setiap hari dan memastikan sasaran bagi setiap modul latihan buku log tercapai.
3. Bagi PRP yang menjalani latihan di premis-premis latihan KKM yang terjejas oleh penularan wabak Covid-19 yang menyebabkan PRP sukar mencapai sasaran buku log (e.g kurang pesakit mengambil ubat di Farmasi Pesakit Luar, PRP tidak dibenarkan pergi ke wad kerana terdapat pesakit yang dijangkiti Covid-19 dsb) premis latihan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Mengemukakan permohonan pelanjutan latihan PRP kepada Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dengan menyatakan bahawa PRP tidak dapat mencapai sasaran buku log kerana premis latihan terlibat dalam pengurusan wabak Covid-19 sebagai justifikasi permohonan pelanjutan latihan **atau**
  - ii. Premis latihan boleh mengaturkan supaya PRP menjalani latihan bagi modul latihan tertentu di premis latihan lain yang tidak terjejas dengan penularan wabak Covid-19 **atau**
  - iii. Preseptor boleh membuat kes simulasi bagi aktiviti-aktiviti tertentu di dalam buku log **sekiranya sesuai**.
4. Tiada demerit bagi PRP yang terpaksa melanjutkan latihan dengan syarat pelanjutan tersebut adalah kerana premis latihan terkesan oleh penularan wabak Covid-19 dan bukannya disebabkan oleh faktor kompetensi.

#### **E. MARKAH PENILAIAN PRP**

1. Tiada perubahan kepada cara pemberian markah penilaian PRP. Preseptor memberi markah penilaian kepada PRP berdasarkan pencapaian PRP bagi setiap modul latihan buku log mengikut skala 1 sehingga 10.
2. Markah penilaian PRP dikemukakan kepada Bahagian LFM selepas PRP selesai menjalani sekurang-kurangnya satu tahun latihan PRP.

## **F. SYOR KEPADA PREMIS-PREMIS LATIHAN PRP KKM**

1. Premis latihan boleh menyusun atur jadual latihan PRP mengikut kesesuaian premis masing-masing dan memastikan latihan bagi setiap PRP adalah tidak kurang dari satu tahun.
2. Preseptor boleh membuat pengubahsuaian yang bersesuaian berkaitan aktiviti-aktiviti buku log contohnya seperti kes simulasi dan memastikan PRP dapat mencapai sasaran buku log seperti yang telah ditetapkan.
3. Preseptor latihan PRP mengemukakan surat permohonan pelanjutan latihan PRP kepada Bahagian LFM bagi PRP yang latihannya terjejas akibat penularan wabak Covid-19 menggunakan justifikasi seperti yang dinyatakan di para 3(i).
4. Preseptor bertanggungjawab untuk menyelia dan memastikan latihan PRP dapat dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan mengikut kesesuaian premis latihan masing-masing.